

Bab 1

Pengenalan Candu

Perdagangan dan isu-isu yang berkaitan dengan candu secara umumnya bukanlah suatu perkara yang baru dalam sejarah Malaysia. Sebelum ini, tajuk ini pernah dikaji atau sekurang-kurangnya telah dibincangkan oleh para sejarawan seperti Mak Lau Fong, Carl A. Trocki, Wilfred Blythe, Wong Lin Ken dan sebagainya. Namun begitu, tulisan ini akan memfokuskan kepada perdagangan dan penggunaan candu di Selangor serta bagaimana polisi-polisi kerajaan pusat atau negeri boleh mempengaruhi perjalanan perdagangan candu di negeri tersebut, salah sebuah negeri pengeluar bijih timah yang terpenting di Tanah Melayu selepas Perak. Sebab-sebab kepada pemilihan negeri Selangor juga akan diulas dalam bab-bab yang akan datang.

Candu atau dalam bahasa Inggeris dipanggil *opium* merujuk kepada sejenis dadah yang dikategorikan dalam kelas dadah jenis *psychotropic* yang biasanya digunakan oleh mereka yang mempunyai masalah seperti kebimbangan dan gelisah. Dadah-dadah lain yang biasa didengar seperti heroin dan morfin juga termasuk dalam kategori yang sama.¹ Ia dihasilkan daripada getah pada kulit benih popi, dikenali dengan nama saintifik *Papaver somniferum* yang berasal dari kawasan di selatan dan

¹ "Drug Problems," *The New Encyclopaedia Britannica*, 15th ed., Vol. V, Chicago, Encyclopaedia Britannica Inc., 1974, hlm. 1048.

barat daya Asia iaitu di Timur Tengah dan Bengal. Di kawasan ini, ia muncul sebagai satu tanaman dagang yang diusahakan secara monopoli oleh kerajaan.²

Sejak awal lagi, candu telah diketahui keberkesanannya dalam bidang perubatan terutamanya sebagai ubat tidur, seawal zaman ketamadunan Mesopotamia (5000-4000SM) lagi dengan catatan yang terdapat di atas rekod perubatan masyarakat Assyria. Begitu juga dengan zaman keagungan tamadun Yunani di mana ia pernah dicatatkan oleh Homer dan Hippocrates; disebarkan ke tamadun Rom melalui penaklukan tentera Rom ke atas kawasan di bahagian timur Mediterranean dan seterusnya dikembangkan oleh ahli-ahli perubatan Islam ke Parsi, China dan India selepas kejatuhan Empayar Rom.³ Sehingga abad ke-19, ia memang dilihat sebagai sejenis bahan yang digunakan dalam bidang perubatan dan hanya menjelang abad ke-19 sahaja ia dianggap sebagai satu gejala yang tidak sihat apabila penggunaannya melibatkan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti perjudian dan pelacuran. Penjualan dan pengambilan candu di tempat-tempat tersebut telah menyebabkan ia mendapat perhatian antarabangsa dan langkah-langkah yang lebih aktif untuk menyekatnya mula dapat dikesan pada abad ke-20.

² Carl A. Trocki, *Opium and Empire: Chinese Society in Colonial Singapore, 1800-1910*, Ithaca, Cornell University Press, 1990, hlm. 50.

³ The New Encyclopaedia Britannica, Vol. V, hlm. 1052-3.

Dalam tulisan ini, saya akan menggunakan cara pendefinisian sebagaimana yang diberi oleh *The Revenue Farms Enactment, 1904* iaitu candu atau *opium* dirujuk sebagai semua jenis candu dalam bentuk yang bukan sedia dihisap, dikunyah ataupun dimakan, termasuk juga penutup candu. *Chandu* merujuk kepada candu yang telah diproses. *Opium dross* pula merujuk kepada sisa-sisa yang ditinggalkan oleh chandu yang telah dihisap.⁴ Dengan itu, candu boleh dianggap sebagai nama umum untuk semua bentuk candu termasuk candu mentah manakala chandu adalah bentuk yang sedia untuk digunakan iaitu candu yang telah dimasak untuk dihisap.

Pengenalan Kepada Perdagangan Candu

Sejarah bermulanya perdagangan candu di rantau ini juga tidak kurang menariknya. Trocki dalam *Opium and Empire* melihatkan perkembangan perdagangan candu di Singapura sebagai hasil daripada peranan dan usaha oleh pengasas Singapura iaitu Thomas Stamford Raffles. Baginya, Raffles telah memainkan peranan sebagai perintis kepada sistem perdagangan bebas yang diamalkan di Singapura yang telah membuka jalan kepada satu keadaan di mana candu telah menjadi salah satu komoditi

⁴ SGG, Vol. XV, No. 25, 14 Jun 1904, hlm. 437.

yang utama yang dibawa dari India, sebuah koloni British yang mengeluarkan cendu mentah menerusi satu sistem monopoli yang diusahakan oleh kerajaan.⁵

Untuk melihat keadaan sebenar perdagangan cendu ini, haruslah juga diberi perhatian kepada aspek pengeluaran cendu mentah itu sendiri. Cendu telah ditanam secara meluas di India terutamanya di Bengal pada pertengahan abad ke-18 yang dijalankan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang memerintah di India pada masa tersebut. Patna dan Ghazipur muncul sebagai pusat memproses cendu yang penting di mana cendu ini dibersih, ditimbang, dikeringkan dan dibungkus. Cendu-cendu yang telah dikeringkan akan dibentuk dalam bebola seberat 3.5 paun sebelum dimuatkan ke dalam kotak-kotak kayu yang akan diisi dengan 40 bebola cendu sekotak. Ini bermakna dalam setiap kotak terdapat 140 paun atau 100 kati cendu.

Walaubagaimanapun, cendu yang dihasilkan di kedua-dua tempat ini boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu:

- i) Provision opium iaitu cendu yang diproses untuk kegunaan di luar India atau dengan kata lain, ia merupakan cendu yang dihasilkan khas untuk dieksport. Cendu ini dibahagikan kepada dua kelas utama iaitu Candu Patna dan Candu Benares. Candu Patna merupakan cendu yang dihasilkan dari kilang di Patna manakala Candu Benares adalah cendu yang dihasilkan dari kilang di Ghazipur;

⁵ Trocki, *Opium and Empire*, hlm. 53-4.

manakala Candu Benares adalah candu yang dihasilkan dari kilang di Ghazipur; di antara kedua-dua jenis candu tersebut, Candu Patna merupakan jenis candu yang lebih mahal. Namun begitu, kedua-dua jenis mentah ini mempunyai rasa yang berlainan dan bergantung kepada citarasa penghisapnya.

- ii) *Excise Opium* pula merupakan candu mentah yang dihasilkan untuk kegunaan domestik dan ia turut dihasilkan dari kedua-dua kilang di Patna dan Ghazipur.⁶

Terdapat lagi satu jenis candu yang dipasarkan selain daripada kedua-dua jenis candu yang telah disebutkan di atas. Candu Malwa biasanya merujuk kepada semua jenis candu yang dihasilkan di India yang bukan pengeluaran SHTI.⁷

Candu-candu yang telah siap diproses akan dihantar ke Calcutta di mana ia akan dijual secara lelongn yang diadakan pada setiap bulan. Harga candu yang dilelong pada bulan Januari biasanya bergantung kepada harga pada tahun sebelumnya manakala harga pada lelongan di bulan Mac adalah berdasarkan kepada keadaan di luar India. SHTI yang akan mengendalikan lelongan tersebut tetapi penjualannya di luar India dijalankan oleh para pedagang. Di Kepulauan Melayu, Riau menjadi penghubung kepada perdagangan Calcutta-Canton dengan berperanan sebagai pusat pengumpulan barang dagangan seperti timah, lada hitam, rempah ratus dan barang

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*, hlm. 59.

tempatan yang lain yang akan dipasarkan di China ataupun di Barat. Kedudukan ini juga secara tidak langsung membantu melicinkan perdagangan di antara kedua-dua benua ini kerana ia bukan sahaja berfungsi sebagai pusat persinggahan, ia turut menjadi pusat pertukaran barang dagangan sekiranya terdapat gangguan dalam pola perdagangan yang biasa, misalnya semasa China menguakasakan undang-undang anti-candu. Dalam situasi ini, Riau akan berfungsi sebagai tempat para pedagang Eropah dan Barat menjual barang mereka termasuk candu kepada pedagang-pedagang Cina dan membeli barang dari China kerana sekatan yang dikenakan oleh Kerajaan Manchu di China.⁸

Di Kepulauan Melayu, candu yang dibawa masuk pada abad ke-18 biasanya oleh pedagang negeri (*country traders*) iaitu pedagang-pedagang bebas yang biasanya adalah orang-orang British yang mempunayi perkaitan dengan firma-firma di India. Golongan pedagang ini dihalang daripada menjalankan perdagangan di India, Asia Tenggara dan China serta mencampuri urusan monopoli oleh SHTI. Namun begitu, mereka lah yang paling giat dalam menjalankan perdagangan pada abad ke-18 di Asia Tenggara, khususnya semasa SHTI menghadapi persaingan yang hebat dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) di Kepulauan Indonesia hari ini. Pada tahun 1790-an, SHTI hanya menjalankan monopoli dalam pengeluaran candu dan penjualannya di Calcutta, sebaliknya pedagang negeri merupakan golongan yang

⁸ *Ibid.*, hlm. 54-5.

membeli candu tersebut untuk didagangkan di luar India, di Asia Tenggara dan China dengan menjual kepada para penyeludup di perairan di luar China dan menukar wang perak yang diperolehi di pejabat SHTI di Canton dengan *Bill of Exchange* Eropah, India atau Amerika.⁹

Di Kepulauan Melayu atau Asia Tenggara sebelum tahun 1800, majoriti daripada penghisap candu adalah pembesar-pembesar tempatan tetapi keadaan mula berubah pada abad ke-19 iaitu dengan kedatangan beramai-ramai buruh dari China untuk memenuhi keperluan buruh di ladang-ladang gambir, lada hitam dan lombong-lombong bijih timah di mana mereka bukan sahaja merupakan “*another small but reliable and growing market*” kepada candu yang dibawa oleh para pedagang British. Dengan peningkatan bilangan mereka yang datang dari China yang bermakna bilangan mereka yang menggunakan candu kian meningkat, mereka muncul sebagai pengguna candu yang terbesar di rantau ini.¹⁰ Bagi negeri-negeri Melayu, perdagangan candu menjadi semakin giat dengan pembukaan Singapura sebagai sebuah perdagangan bebas di rantau ini oleh Thomas Stamford Raffles. Lebih kurang 20 peratus daripada jumlah pengeluaran tahunan candu di India telah dihantar ke Singapura yang seterusnya memainkan peranan untuk menyebarkannya ke negeri-negeri Melayu, Borneo, Sumatera, Jawa, Filipina dan kawasan-kawasan lain di timur Kepulauan Melayu. Pada peringkat ini, perdagangannya adalah dijalankan oleh para pedagang Cina dan Melayu

⁹ *Ibid.*, hlm. 53.

Sumatera, Jawa, Filipina dan kawasan-kawasan lain di timur Kepulauan Melayu. Pada peringkat ini, perdagangannya adalah dijalankan oleh para pedagang Cina dan Melayu yang dinamakan “*native trade*”. Harga candu di pasaran tempatan sebenarnya ditentukan oleh keadaan dan situasi di India, China dan bukannya oleh Asia Tenggara. Di sini, peranan utama yang dimainkan oleh perdagangan candu, khususnya kepada British adalah dalam mengimbangi pengaliran keluar wang perak dalam perdagangan mereka dengan China yang tidak mahu membeli apa-apa barang daripada mereka atau enggan menerima bayaaran dalam bentuk lain selain daripada wang perak dan secara tidak langsung telah melahirkan satu komuniti pelombong Cina yang akan menjadi penagih yang akan menguntungkan pendapatan pihak British di negeri Melayu.

Kepentingan Perdagangan Candu Ke Atas Tanah Melayu

Perdagangan candu memainkan peranan yang penting dalam pembentukan corak ekonomi Tanah Melayu, baik sebelum dan selepas pertengahan abad ke-19. Dilihat kepada peranan yang dimainkan oleh candu iaitu sejak ia mula dianggap sebagai satu komoditi dagangan oleh British telah beransur-ansur ataupun sehingga dekad-dekad awal abad ke-20 sentiasa berubah. Sebelum pertengahan kedua abad ke-19, candu telah dibawa masuk ke Tanah Melayu tetapi peranan yang dimainkan olehnya pada tempoh ini bolehlah dikatakan agak terhad. Ini kerana candu pada

peringkat awal hanya dianggap sebagai satu komoditi untuk mengimbangi perdagangan di antara Timur-Barat, yakni perdagangan di antara British dengan China.

Ini dapat dilihat yang pada asasnya, perdagangan di antara Barat dengan Timur tidak banyak menguntungkan British untuk jangkamasa panjang. Misalnya barang yang dikeluarkan oleh British tidak mendapat pasaran yang baik di China sebagaimana permintaan terhadap teh di Barat. Dengan itu, perdagangan yang dijalankan adalah menerusi penggunaan wang perak yang boleh memudaratkan ekonomi British pada jangkamasa panjang kerana pengeluaran keluar secara terus-menerus wang perak. Situasi ini sememangnya telah memaksa British mencari jalan penyelesaian iaitu dengan mendapatkan barang yang mempunyai pasaran dan permintaan yang tinggi di China untuk ditukar dengan barang yang popular di Barat. Dengan itu, antara barang yang dipilih adalah seperti candu dan sesetengah barang keluaran India serta barang tempatan seperti rempah ratus dan hasil kutipan hutan dan laut. Langkah yang diambil ini telah menyebabkan pelabuhan-pelabuhan di Tanah Melayu mula dikunjungi serta membawa kepada pembukaan Singapura pada tahun 1819 apabila keperluan untuk mempunyai satu loji di rantau ini kian meningkat. Singapura telah menjadi pusat persinggahan yang terpenting sebelum belayar ke China. Pelabuhan-pelabuhan lain juga banyak dikunjungi oleh pedagang-pedagang negeri yang pergi untuk mendapatkan barang yang diperlukan untuk perdagangan dengan

China dan mereka turut menjual candu dan barang lain dari Barat kepada penduduk tempatan.

Dalam sejarah Singapura sendiri, perdagangan candu ini telah berubah bentuk apabila candu turut menjadi satu komoditi yang mendapat permintaan yang tinggi, khususnya apabila adanya penggunaan candu di kalangan buruh-buruh Cina yang kian bertambah bilangannya semasa tanaman gambir dan lada hitam di Johor berada pada zaman kegemilangannya. Penanaman dua tanaman dagang ini telah dijalankan di bawah satu sistem yang dipanggil sistem *kangchu* (tuan sungai) atau dengan penerangan yang lebih ringkas, ia boleh ditafsirkan sebagai satu sistem yang berfungsi dengan pemerintah Johor memberi satu surat tauliah yang dipanggil surat sungai kepada *kangchu* yang berkuasa di suatu kawasan yang dipanggil *kangkar* (kaki sungai). Yang dianggap penting di sini adalah isi kandungan surat sungai yang memberi kuasa kepada *kangchu* untuk menjual candu kepada buruh-buruh di dalam kawasannya di samping daging khinzir, minuman keras, kedai judi dan pajak gadai.¹¹

Keadaan yang hampir sama diamalkan di negeri-negeri pengeluar bijih timah seperti Selangor apabila candu mula menjadi salah satu daripada aspek penting dalam ekonomi iaitu dalam menggerakkan industri perlombongan bijih timah. Pemberian hak menjual candu di bawah sistem pajakan hasil candu dan *chandu* telah memberikan

¹¹ *Ibid.*, hlm. 70.

pulangan yang lumayan kepada pemilik lombong untuk membolehkan kerja-kerja melombong diteruskan walaupun pada hakikatnya, operasi melombong bijih timah sebenarnya menelan kos operasi yang tinggi dan sentiasa berjalan dalam keadaan yang merugikan. Ini bermakna dengan adanya peranan yang dimainkan oleh candu, maka industri perlombongan bijih timah boleh terus berjalan dengan candu membantu mengimbangi kerugian yang perlu ditanggung oleh pemilik lombong. Di pihak yang lain pula, ia berfungsi sebagai pemberi semangat kepada mereka dan pada sudut yang lain pula, ia terus mengikat mereka kepada pemilik lombong yang akan memastikan operasi melombong bijih timah dapat diteruskan secara lancar. Bagaimanapun, mekanisme sebenar yang memainkan peranan iaitu sistem pajakan hasil candu akan diterangkan dengan lebih lanjut lagi dan terperinci dalam bab yang akan datang.

Sebenarnya, perdagangan candu oleh British boleh dianggap tidak begitu berjaya jika ia terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pasaran di China sahaja. Masyarakat buruh Cina di Tanah Melayu merupakan pasaran yang penting bagi British dalam perdagangan candu tetapi fenomena ini hanya bermula pada tahun-tahun kemuncak industri perlombongan bijih timah yang menyaksikan penglibatan secara besar-besaran pengusaha-pengusaha Cina. Namun, peranan yang dimainkan oleh candu ini telaah merosot menjelang abad ke-20 yang melihatkan pertukaran bentuk corak industri bijih timah yang mana ia telah diambil alih oleh pengusaha Eropah yang lebih mementingkan faktor teknologi.

Penggunaan Candu di Tanah Melayu

Penggunaan candu di Tanah Melayu boleh dianggap sebagai satu aspek penting yang tidak harus diabaikan jika perdagangan pada zaman British dibincangkan. Ini berikutan daripada kesedaran dan kefahaman bahawa British secara sedar atau tidak telah mewujudkan satu kumpulan besar pengguna candu di Tanah Melayu iaitu golongan buruh Cina di ladang dan lombong bijih timah yang seterusnya menjadikan Tanah Melayu satu pasaran yang penting bagi perdagangan candu. Dengan adanya perbincangan tentang sebab penggunaan candu di Tanah Melayu, maka kepentingan candu dari segi politik dan ekonomi kepada pihak-pihak yang terlibat dapat dikaji dengan lebih mudah.

Seperti yang telah diterangkan di awal bab ini, candu telah dikategorikan pada hari ini sebagai sejenis dadah *psychotropic* yang digunakan sebagai ubat penenang dan tidur. Pada peringkat awal, penggunaannya terhad kepada tujuan perubatan sahaja tetapi keberkesanannya tidak lagi terhad sebagai ubat penenang. Ia dipercayai turut membantu dalam menahan kelaparan dan menghindari serangan penyakit yang boleh dianggap sebagai satu keperluan kepada masyarakat buruh Cina di lombong bijih timah serta ladang gambir dan lada hitam. Selain daripada buruh-buruh Cina, pengguna awal candu di Tanah Melayu yang mana penggunaanya bukan untuk tujuan perubatan adalah raja-raja dan golongan pembesar-pembesar Melayu. Hakikat ini juga telah

diakui oleh ramai sejarawan dan pengembara. Salah satu sebab yang boleh dijangka tentang penggunaan candu oleh golongan pembesar ini adalah kedudukan istimewa mereka dalam masyarakat yang membolehkan mereka menikmati segala bentuk kemewahan hidup. Candu bukanlah sesuatu yang mampu dibeli oleh rakyat biasa dan pengambilan mas yang agak panjang untuk menyediakan candu untuk dihisap dan di istana, ia adalah disediakan oleh hamba-hamba raja untuk kegunaan raja.

Trocki menyatakan bahawa antara sebab kepopularan candu di Tanah Melayu adalah keadaan hidup golongn buruh yang terlalu daif dan candu berperanan sebagai satu-satunya bentuk hiburan yang boleh membantu melegakan segala bentuk penderitaan yang dialami mereka. Candu dikatakan boleh membantu meningkatkan produktiviti mereka dalam melakukan kerja-kerja berat seperti menebas hutam, memotong kayu-kayu api serta berada dalam lombong bijih timah yang dipenuhi air sehingga ke paras pinggang seharian. Di sini, candu memainkan peranan membantu menghilangkan keletihan dan sengal-sengal. Keadaan diburukkan lagi dengan suasana persekitaran yang tidak menggalakkan seperti tempat yang didiami mereka terletak di kawasan hutan yang terpencil dan berjauhan dengan keluarga di tanahair. Justeru itu, candu digunakan untuk membantu mereka melupakan segala penderitaan hidup yang terpaksa dilalui mereka semasa di perantauan.

Golongan buruh ini juga menderita akibat daripada luka-luka yang tidak sembah kerana ketiadaan ubat, serangan penyakit-penyakit tropika seperti taun, malaria, demam kepialu, cirit-birit dan sebagainya. Dalam keadaan ini, candu diambil sebagai ubat penahan sakit kepada luka-luka mereka yang tidak sembah dan penyakit-penyakit lain.¹² Candu juga dipercayai boleh membantu mereka menahan lapar dan membolehkan mereka terus bekerja apabila sebahagian besar daripada gaji mereka telah dihabiskan di meja judi ataupun untuk membeli candu. Ramai di antara buruh-buruh Cina yang menyatakan mereka mula belajar menggunakan candu hanya selepas mereka tiba di Tanah Melayu. Antara sebab-sebab yang diberikan oleh sejarawan adalah perubahan cara hidup di sini dengan di China yang mana sistem keluarga di China sedikit sebanyak membantu mengurangkan kemungkinan mereka mengambil candu.¹³ R.N. Jackson pula meletakkan sebab kepopularan candu di kawasan lombong sebagai didorong oleh kemudahan menghisap candu yang disediakan di rumah-rumah pelacuran kepada pelanggan.¹⁴

Pengambilan candu telah dilihat oleh banyak pihak sebagai penyumbang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh penggunanya. Pengambilan secara berterusan boleh membawa kepada pengambilan yang berlebihan dan ketagihan.

¹² *Ibid.*, hlm. 67.

¹³ V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hlm. 185.

¹⁴ R.N. Jackson, *Immigrant Labour and the Development of Malaya, 1776-1920: A Historical Monograph*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1967, hlm. 54.

Keadaan yang lebih serius akan lebih terasa di kalangan buruh Cina yang merupakan majoriti pengambil candu di Tanah Melayu khususnya apabila sebahagian besar daripada gaji mereka yang sangat kecil itu dihabiskan untuk membeli candu. Fenomena ini diburukkan lagi dengan kenaikan gaji mereka yang tidak selari dengan kenaikan harga candu yang menyebabkan candu yang terpaksa dibeli oleh mereka menjadi semakin mahal. Selain itu, mereka tidak menyedari akan bahaya yang dilakukan oleh candu ke atas tubuh mereka, seperti membawa kepada penyakit-penyakit seperti batuk kering dan sebagainya.

Yang penting dan paling menyedihkan di sini adalah kedudukan candu itu sendiri yang telah dijadikan sebagai satu alat untuk mengeksplotasikan buruh Cina demi kepentingan pemilik-pemilik lombong dan British. Candu digunakan sebagai satu alat untuk mengeksplotasi oleh pemilik lombong untuk memastikan buruh-buruh mereka terus bekerja untuk mereka tanpa menghiraukan kesan yang terpaksa ditanggung oleh buruh-buruh Cina akibat pengambilan candu untuk jangkamasa yang lama. Yang diberi keutamaan oleh mereka hanyalah keuntungan lumayan yang diperolehi daripada penjualan candu dan industri perlombongan bijih timah terus berjalan . Di pihak British pula, candu diabaikan sebagai satu gejala sosial kerana golongan buruh ini telah membentuk satu pasaran penting untuk perdagangan candu di samping hasil pendapatan yang disumbang menerusi cukai yang dikenakan ke atas

candu dan bekalan timah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perindustrian di Great Britain.